

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Bab ini membincangkan mengenai tinjauan kajian lalu yang berkaitan dengan kajian literasi komputer. Tinjauan kajian ini merangkumi kajian definisi literasi komputer, kajian jangkaan majikan terhadap kebolehan komputer graduan dan kajian komponen literasi komputer secara khusus yang merangkumi aspek sikap dan faktor pendapatan keluarga. Pendapat beberapa orang pengkaji dinyatakan berdasarkan kajian mereka sama ada oleh pengkaji tempatan atau luar negara.

Di dalam perkembangan dunia yang pesat sekarang, seseorang yang pandai menggunakan komputer meningkatkan peluangnya memperolehi pekerjaan. Salah satu pertimbangan atau syarat yang dikehendaki ialah kebolehan mengendalikan komputer, walaupun setakat ingin menjawat jawatan sebagai kerani (Ridwan, 1997).

Melalui komputer, pelbagai pengetahuan dapat diperolehi, ianya termasuk membuat grafik, pemprosesan perkataan, lebaran data, pangkalan data dan cara pengisian asas (Norhayati, 2001). Bagi seseorang pelajar ekonomi misalnya, kebolehan menggunakan perisian pemprosesan perkataan ataupun pengetahuan asas mengenai perisian statistik mungkin amat berguna sekali bukan sahaja ketika masih di bangku pengajian malah semasa di alam pekerjaan nanti..

Di dalam bab ini pengkaji seterusnya menerangkan beberapa kajian yang telah dilakukan oleh beberapa penyelidik terdahulu yang berkaitan dengan konsep literasi komputer sama ada oleh pengkaji tempatan atau luar negara.


2.1 KAJIAN DEFINISI LITERASI KOMPUTER

Menurut Chakrabarty (1979) literasi komputer membawa maksud mempelajari cara menggunakan sesuatu perisian mikrokomputer dan peranti-perantinya yang dapat menghasilkan sesuatu hasil melalui penggunaan komputer.

Menurut Dologite (1987) pula, literasi membawa maksud yang agak mudah iaitu tahap pengetahuan dan kebolehan seseorang itu menggunakan komputer. Pendapat ini hampir serupa dengan pendapat Hunter (1987) yang mengatakan literasi komputer sebagai kemahiran seseorang individu menggunakan komputer sebagai satu alat yang disesuaikan kepada situasi hidup harian yang membolehkannya berfungsi dalam masyarakat yang berasaskan maklumat.

Manakala Ngan (1994) pula mengatakan kita perlu membezakan di antara literasi dan kesedaran komputer. Kesedaran komputer pada amnya merujuk kepada pengetahuan mengenai cara komputer digunakan dalam masyarakat, kesan kegunaannya terhadap sosial dan ekonomi dan kesan terhadap kehidupan manusia. Literasi komputer pula membawa maksud yang lebih luas lagi, bukan sahaja konsep dalam kesedaran tetapi juga pengalaman dalam pengawalan dan pengendalian

komputer. Gambar Rajah 2.1 menunjukkan perbezaan di antara kesedaran dan literasi komputer. Menurutnya lagi, secara umum kesedaran komputer berkait rapat dengan pembelajaran tentang komputer, literasi komputer pula berkait rapat dengan pembelajaran dan penggunaan komputer.



Rajah 2.1 Perbezaan Kandungan Kurikulum Di antara Kesedaran Dan Literasi Komputer. Sumber: Ngan Cheng Hwa (1994). Teknokrat: Jurnal Akademik MPIK Kuala Lumpur Jilid 1994.

2.2 KAJIAN LITERASI KOMPUTER

Komputer banyak memainkan peranan untuk memudahkan tugas harian. Bagi pelajar-pelajar, ianya membantu dalam mempermudah dan mempercepatkan penyelesaian mata pelajaran. Kini, sudah semakin ramai para pensyarah menggunakan kemudahan internet untuk menyahurkan ilmu pengetahuan dan bahan-bahan ilmiah kepada pelajar-pelajar. Komputer mempunyai kemampuan untuk melayani keperluan pelajar yang berbeza kebolehan mengikut latar belakang dan pengalaman mereka (Ismail, 1994).

Jika pelajar boleh menggunakan komputer, mereka boleh belajar mengikut kemahuan diri mereka, seperti pada tempat, masa dan kadar yang difikirkan sesuai. Dengan pengaruh dan kesedaran tentang kepentingan teknologi maklumat disertai dengan kesedaran tentang berkesannya penggunaan komputer sebagai satu alat pengajaran dan pembelajaran merentas kurikulum, maka pendekatan kurikulum komputer yang menjurus kepada guna sambil belajar atau belajar melalui penggunaan adalah lebih baik daripada menumpukan kepada literasi komputer sahaja (Seameo-Reccsam, 1989).

Hasil daripada tinjauan antarabangsa yang dibuat oleh Plomp dan Pelgrum (1991) mendapati kebanyakan negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat, dan United Kingdom sebahagian daripada masa bagi mengajar mata pelajaran matematik diperuntukkan untuk pembelajaran menggunakan komputer.

Wishart (1990) telah mengkaji hubungan kognitif dengan perlakuan pelajar menggunakan permainan komputer yang berunsur pendidikan di England. Beliau mendapati bahawa pelajar mempunyai keinginan yang tinggi untuk mengawal komputer, serta berasa tercabar dan berminat untuk mengetahui kehebatan perisian komputer. Hasil kajian ini menyokong konsep pembelajaran aktif. Jika pelajar mengawal proses pembelajarannya, maka pembelajaran akan lebih aktif. Bila komputer digunakan, aktiviti mekanikal pelajar akan beralih kepada kemahiran tahap kognitif yang lebih tinggi.

2.2.1 TAHAP LITERASI KOMPUTER

Beberapa kajian telah dijalankan untuk mengukur tahap literasi komputer pelajar di Malaysia. Pada tahun 1990, Elsie Mathew telah menjalankan kajian mengenai tahap literasi komputer para pelajar secara soal selidik. Ini di ikuti oleh lain-lain penyelidik seperti Ngan Cheng Hwa (1993), Farizah Ahmad (1995) dan Ridzuan Badri (1997). Dapatan min skor tahap literasi komputer adalah seperti di jadual 2.1.

Jadual 2.1: Dapatan Min Skor Tahap Literasi Komputer Tinjauan Kajian

Tahun	Nama Penyelidik	Tempat Kajian	% Min Skor
1990	Elsie Mathew	Selangor & W.P	41.4
1993	Ngan Cheng Hwa	Selangor	39.6
1995	Farizah Ahmad	Kuantan Pahang	55.0
1997	Ridzuan Badri	Segamat Johor	67.0

apakah skor ini

Sumber: Dapatan Tinjauan Kajian Terdahulu, Mathew (1990), Ngan (1993), Farizah (1995), Ridzuan (1997)

Dalam kajian tersebut, penyelidik-penyelidik tersebut telah membandingkan jantina, aliran pelajar dan tempat tinggal pelajar dengan tahap literasi komputer mereka. Dapatan daripada kajian tersebut, penyelidik-penyelidik di atas telah mendapati bahawa aliran pelajar memainkan peranan penting dalam menentukan tahap literasi komputer mereka. Pelajar-pelajar daripada aliran sains mempunyai tahap literasi yang lebih tinggi berbanding di aliran sastera.

2.2.2 KAJIAN JANGKAAN MAJIKAN TERHADAP KEBOLEHAN KOMPYUTER GRADUAN

Kajian yang telah dilakukan oleh Hairulliza Mohamad Judi pada tahun 2000 telah menunjukkan jangkaan majikan terhadap kebolehan komputer graduan. Menurut penyelidik tersebut, soal selidik telah di hantar kepada majikan-majikan dan daripada dapatan kajian tersebut, jangkaan majikan terhadap kebolehan komputer graduan adalah tinggi. Sembilan puluh dua peratus majikan berpendapat kebolehan berkomputer adalah penting bagi graduan.

Ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Davis (1999), yang mengatakan majikan atau syarikat mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap tahap literasi komputer para graduan di mana 83.3% mengatakan kebolehan komputer adalah sama ada penting atau sangat penting dalam membuat keputusan untuk menerima mereka berkerja.

2.2.3 SIKAP TERHADAP KOMPUTER

Sikap pelajar-pelajar terhadap komputer adalah aspek yang boleh mempengaruhi pembelajaran komputer. Sekiranya mereka meminati komputer, kebiasaannya mereka akan cepat mempelajari sesuatu mengenai komputer. Tidak kiralah sama ada pembelajaran komputer tersebut secara formal ataupun bukan formal. Apa yang perlu dinyatakan di sini ialah minat, sikap yang positif dan kesedaran tentang komputer adalah penting untuk memudahkan pembelajaran komputer. Jay (1990) berpendapat faktor sikap mempengaruhi tahap kenal dan faham komputer. Beliau melaporkan bahawa pelajar yang bersikap negatif menunjukkan kegelisahan apabila didedahkan kepada aktiviti-aktiviti berasaskan komputer. Pendapat ini disokong oleh Clement (1981) dan mengatakan bahawa pelajar yang bersikap positif terhadap komputer dapat menguasai kemahiran komputer dengan cepat.

James E. Walter (1996) telah menjalankan kajian perbandingan sikap terhadap komputer di antara siswazah junior dan siswazah senior di Universiti Indiana, Amerika Syarikat dengan menggunakan alat pengukur ATCS (Attitude Toward Computer Scale) yang telah dibina dan diuji kesahan dan kebolehpercayaannya oleh Francis, L. J. pada 1993. Hasil kajiannya mendapati siswazah senior lebih bersikap positif terhadap komputer berbanding dengan siswazah junior. Ini disebabkan siswazah senior lebih lama terdedah dengan kursus-kursus komputer di Universiti dan lebih berpengalaman menggunakan komputer

berbanding dengan siswazah junior. Pemilikan komputer peribadi di kalangan siswazah senior juga adalah lebih banyak berbanding dengan siswazah junior.

James (1996) juga melaporkan bahawa siswazah senior menganggap belajar bagaimana menggunakan komputer adalah sesuatu yang berfaedah dan memberi pengalaman yang menyeronokkan. Hasil kajiannya juga mendapati siswazah yang lebih biasa dengan papan kekunci komputer (key board) dan lain-lain pendedahan yang berkaitan dengan komputer adalah lebih bersikap positif terhadap komputer berbanding dengan siswazah yang kurang pendedahan dengan persekitaran perkomputeran.

2.2.4 FAKTOR PENDAPATAN KELUARGA

Komputer kini bukan lagi menjadi barang mewah, malah ia merupakan satu alat keperluan dalam kehidupan. Dengan perubahan teknologi dan galakan daripada kerajaan, harga komputer semakin menurun. Peningkatan taraf hidup dan ekonomi negara mendorong kepada pertambahan permintaan terhadap komputer (Sulaiman, 1991).

Sungguhpun harga seunit komputer telah semakin murah, tidak semua ibu bapa mampu membeli komputer untuk pendidikan anak-anaknya. Rao dan Rao (1984) mendapati 10 daripada 71 orang pelajar mengatakan kemampuan ibu bapa mereka membeli komputer. Pendapatan ibu bapa mereka yang mampu membeli

komputer adalah melebihi RM800.00 sebulan dan mempunyai bilangan ahli keluarga yang kecil. Jika dibuat perbandingan pada tahun 1990an, mungkin ibu bapa yang berpendapatan melebihi RM 1,000.00 sahaja yang mampu membeli komputer. Kajian yang dibuat oleh Misdan (1987) mengenai perkembangan dan kepenggunaan komputer di sekolah menengah di Malaysia masa kini mendapati hanya golongan profesional dan eksekutif sahaja yang mampu membeli komputer untuk anak-anaknya.

Menurut Misdan lagi faktor kewangan iaitu pendapatan keluarga yang kecil ditambah dengan bilangan ahli keluarga yang ramai telah menyebabkan kurangnya pelajar-pelajar didedahkan kepada dunia komputer. Mereka tidak mampu menghantar anak-anak untuk mempelajari bidang komputer apatah lagi untuk memilikinya.

Dengan itu, dapatlah dijangkakan bahawa faktor pendapatan keluarga boleh mempengaruhi literasi komputer pelajar.

2.3 KESIMPULAN

Daripada kajian-kajian yang dinyatakan, kebanyakan kajian telah mendapati bahawa tahap literasi pelajar-pelajar adalah sederhana dan rendah. Manakala jangkaan majikan terhadap kebolehan komputer kepada bakal pekerja mereka adalah tinggi. Bagaimana agaknya tahap literasi komputer pelajar-pelajar ijazah Sarjana

Muda Ekonomi di Universiti Malaya. Mampukah mereka menepati jangkaan bakal majikan mereka?